



UNIVERSITI Tun Hussien Onn Malaysia di Batu Pahat, Johor, kini muncul universiti antara terbaik di Malaysia.

Utusan
18/10/2014
m/s - 6

UTHM terima pengiktirafan lima bintang

JOHOR BAHRU 17 Dis. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mencatat pencapaian membanggakan apabila diberi penarafan lima bintang dalam audit oleh Quacquarelli Symonds (QS) Star Rating dari QS Intelligence Unit, London, United Kingdom semalam.

Naib Canselor universiti itu, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, UTHM menerima penarafan lima bintang untuk kriteria pengajaran, kemudahan dan juga inovasi.

Katanya, universiti itu juga menerima penarafan tiga bintang untuk skor keseluruhan yang meliputi lapan kriteria diaudit iaitu penyelidikan, kebolehpasaran pekerjaan, pengajaran, kemudahan, pengantarabangsaan, inovasi, tarikan serta kejuruteraan dan teknologi.

"Keputusan audit ini membuktikan keupayaan UTHM untuk bergerak setanding dengan universiti ternama lain dari dalam dan luar negara serta membuktikan keupayaan untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

"Pengiktirafan antarabangsa ini juga menaikkan status dan memperkukuh kedudukan universiti teknikal ini dalam menjadi universiti pilihan orang ramai," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mohd. Noh berkata, prasarana kampus yang kondusif dengan kewujudan infrastruktur moden yang disediakan di universiti itu dapat memberi kebaikan kepada



BANGUNAN Perpustakaan serba indah untuk kemudahan pensyarah dan penuntut.

penuntut dan pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Katanya, penarafan lima bintang bagi kriteria inovasi pula dicapai melalui hasil penciptaan berkualiti dan penghasilan paten serta produk yang bersandarkan pelbagai penemuan dalam bidang kejuruteraan.

"Pencapaian cemerlang dalam aspek inovasi ini juga merupakan satu refleksi terhadap hasrat kerajaan yang mahukan institusi pen-

gajian tinggi memberi sumbangan berimpak tinggi dalam sektor reka cipta dan inovasi negara," katanya.

Universiti itu yang bermula sebagai Pusat Latihan Staf Politeknik pada tahun 1993 sebelum dinaik taraf dan dikenali sebagai UTHM pada 2007 kini menawarkan lapan jurusan teknikal daripada peringkat diploma hingga ijazah doktor falsafah.

Universiti itu kini mempunyai 16,000 penuntut termasuk 550 orang dari luar negara.